

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD  
YAZID  
[ KUALA KANGSAR - BN ]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2016 (RABU)**

**SOALAN (NO. 25)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan biasanya kerajaan memberi ganjaran kepada ahli sukan yang cemerlang. Apakah kerajaan mahu memberi ganjaran kepada jenis-jenis kecemerlangan lain seperti kemanusiaan, pendidikan dan lain-lain. Contohnya seorang anak muda ini, yang bernama Doktor Muhammad Lutfi Lokman 28 tahun yang telah terpilih sebagai United Nation Young Leader daripada 18 ribu pencalonan daripada 186 negara seluruh dunia.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) begitu komited dalam mengiktiraf belia yang menunjukkan kecemerlangan luar biasa bukan sahaja di dalam bidang sukan malah pelbagai bidang pembangunan belia.
2. Kementerian sentiasa menyediakan platform yang baik dalam memberi pengiktirafan kepada golongan belia yang menunjukkan prestasi yang cemerlang melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan seperti Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) dan Anugerah Remaja Perdana.
3. Kementerian akan melibatkan Doktor Muhammad Lutfi Lokman dengan mengadakan kerjasama dalam pelaksanaan inisiatif *Sustainable Development Goals* (SDG) diperingkat nasional. Pelantikan dan kepakaran beliau sebagai *United Nation Young Leader For The SDGs* akan dimanfaatkan bagi menghubungkan para belia dalam merealisasikan SDG melalui jaringan kerjasama dan inisiatif sedia ada iaitu *Hospital Beyond Boundaries* (HBB) yang telah diasaskan oleh beliau. Tiga kumpulan fokus dalam pelaksanaan inisiatif ini ialah belia wanita muda, belia orang asli dan belia pedalaman Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.